



TIMBALAN KETUA PENGARAH  
PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. : 03-88853002  
Faks : 03-88892639  
E-mel : farida@jpa.gov.my  
Web : http://www.jpa.gov.my



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008  
NO. SIJIL : MY-AR : 4697

Ruj. Kami : JPA.BK(S)54/3/ Jld.4(2)  
Tarikh : 12 Disember 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan

**PEMAKLUMAN MENGENAI PENURUNAN KUASA MELULUS BAYARAN ELAUN LEBIH MASA DAN UPAH BEKERJA PADA CUTI MINGGUAN DAN CUTI KELEPASAN AM PERATURAN PENGAMBILAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN**

Saya dengan hormatnya menarik perhatian tuan mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana pihak tuan sedia maklum, perenggan 6(k) dan 6(l) kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2011 – Dasar dan Prosedur Pengambilan Pekerja Sambilan Harian (PSH) (PP 3/2011) memperuntukkan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia sebagai kuasa melulus pengecualian peraturan pengambilan PSH bagi **bayaran Elaun Lebih Masa dan bayaran upah bekerja pada cuti mingguan dan cuti kelepasan am**. Selaras dengan prinsip *empowerment* dan *delegation of power*, mulai 1 Januari 2013, Kerajaan bersetuju supaya **kuasa melulus bayaran Elaun Lebih Masa dan bayaran upah bekerja pada cuti mingguan dan cuti kelepasan am bagi PSH** adalah seperti berikut:

Dasar	Kuasa Melulus Bayaran Elaun Lebih Masa Dan Bayaran Upah Bekerja Pada Cuti Mingguan Dan Cuti Kelepasan Am Kepada PSH
Dasar Semasa PP 3/2011	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia
Dasar Baru	Ketua Setiausaha Kementerian

3. Perubahan kepada kuasa melulus **bayaran Elaun Lebih Masa** dan **bayaran upah bekerja pada cuti mingguan dan cuti kelepasan am kepada PSH** ini tidak mengubah prosedur pengambilan PSH sedia ada yang ditetapkan dalam PP 3/2011. Dalam mengarahkan kerja lebih masa dan meluluskan bayaran Elaun Lebih Masa ini, kedudukan peruntukan belanja mengurus sedia ada hendaklah dijadikan asas pertimbangan dan diberi perhatian.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan terus kepada Bahagian Perkhidmatan, JPA atau menghubungi pegawai-pegawai berikut :

- i. Puan Rusnida Muhammad Radzi  
03-8885 4078  
rusnida@jpa.gov.my
- ii. Puan Azaria Zakaria  
03-8885 4108  
azaria.zakaria@jpa.gov.my

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(DATUK FARIDA MOHD ALI)**  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
**MALAYSIA**

**s.k.**

YBhg. Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa  
Ketua Setiausaha Negara  
Aras 4, Blok Timur  
Bangunan Perdana Putra  
62502 PUTRAJAYA